

## BAB SATU

### PENGENALAN: TUJUAN, SKOP, METODOLOGI DAN HAD KAJIAN

#### 1.1 TUJUAN

Malaysia<sup>1</sup> merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik yang hidup dalam keadaan harmoni. Mereka mempunyai perbezaan dari segi kebudayaan, sosio-ekonomi dan latar belakang politik. Tiga kaum utama di Malaysia ialah kaum Melayu, Cina dan India. Masyarakat India masih berada di tempat ketiga kerana jumlah penduduknya cuma 1.5 juta orang<sup>2</sup> sahaja daripada 20 juta orang pada tahun 1996. Mengikut statistik yang diberi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (1980), 83.66% daripada kaum India adalah penganut agama Hindu.<sup>3</sup>

Masyarakat India terpisah daripada masyarakat lain kerana lemah dalam bidang politik yang menyebabkan sosio-ekonomi masyarakat India masih berada di bawah tahap 1.5% dalam penguasaan ekonomi negara. Dalam pada itu, masyarakat India terpisah sesama mereka dari segi bahasa dan agama. Ketidaksatuan ini menyebabkan wujudnya kebudayaan, nilai-nilai agama dan politik yang berbeza.<sup>4</sup> Ini telah menyebabkan masyarakat India yang berpecah-

<sup>1</sup> Malaysia merujuk kepada Semenanjung Malaysia sebelum Merdeka dan selepas Merdeka.

<sup>2</sup> Rancangan Malaysia Ke-7, 1996-2000, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1996, hlm 111.

<sup>3</sup> Rancangan Malaysia Ke-4, 1980-1984, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm 110.

<sup>4</sup> Daniel, J.R., *Indian Christians In Peninsular Malaysia*, Tamil Annual Conference (TAC), Methodist Church Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hlm 1.

belah ini memberi sokongan politik kepada Parti Politik DAP, Gerakan dan PPP selain MIC.

Kajian ini adalah mengenai keadaan sosio-ekonomi masyarakat India di Malaysia dan majoriti penduduk India memberi sokongan kepada parti politik MIC. Jadi, adalah wajar untuk menilai peranan yang dimainkan oleh MIC dalam usaha meningkatkan sosio ekonomi masyarakat India di Malaysia. Masyarakat India menaruh harapan yang tinggi kepada MIC kerana MIC merupakan satu-satunya parti politik yang mewakili masyarakat India sepenuhnya. Lagipun, MIC telah menjadi parti komponen Barisan Nasional (BN). Jadi, MIC sahajalah yang mewakili masyarakat India yang dapat bersuara mengenai keadaan sosio-ekonomi masyarakat India di Malaysia.

#### JADUAL 1.1

#### PERATUSAN TABURAN TENAGA PEKERJA DAN PENGANGGURAN MENGIKUT KAUM ANTARA TAHUN 1970 – 1990

	Melayu			Cina			India			
	1970	1975	1990	1970	1975	1990	1970	1975	1978	1990
Tenaga Buruh	51.5	52.2	53.6	36.2	36.2	35.3	11.1	10.8	10.9	10.4
Pengangguran	52.4	47.0	53.0	32.0	34.4	35.5	15.3	17.3	16.1	10.4
Pengangguran Dalam Setiap Kaum	8.1	6.9	4.0	7.0	7.2	4.0	11.0	12.2	11.2	4.0

Sumber: Working papers of the Second Malaysian Indian Economic Seminar, MIC Pusat, Kuala Lumpur 13 Julai 1980, hlm 2.

Jadual 1.1 di atas menunjukkan jumlah guna tenaga kaum India dari tahun 1970 sehingga tahun 1990 telah menurun sebanyak 0.7%. Ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada keadaan sosio-ekonomi dan politik kaum India di Malaysia.

Sementara itu, mengikut Virappan, “**buruh-buruh India ini dibawa mengikut kontrak selama dua atau tiga tahun untuk bekerja di ladang-ladang getah**.<sup>5</sup> Keadaan sebegini tidak memberi peluang kepada masyarakat India untuk mengumpul dan menguasai ekonomi. Lagipun, orang-orang India tidak menganggap Malaysia sebagai tanahair mereka. Kegagalan mengubah sikap dan pemikiran pada peringkat awal menyebabkan masyarakat India terus tertekan dalam aspek sosio-ekonomi.

Masyarakat India daif dalam aspek-aspek tadi disebabkan oleh pendidikan yang diterima oleh mereka. Pada peringkat awal, kanak-kanak India cuma mendapat pendidikan Tamil setakat sekolah rendah sahaja. Ini adalah kerana masalah ekonomi yang ditanggung oleh masyarakat India. Lagipun, pendidikan Tamil ini tidak dapat mengubah nasib dan masa depan kanak-kanak ini. Oleh yang demikian, kanak-kanak ini ke sekolah atas dua sebab. Pertamanya, dipaksa oleh ibu bapa mereka. Keduanya mereka dapat bermain dengan rakan-rakan selain mempelajari asas-asas bahasa Tamil.

---

<sup>5</sup> Virappan, *Ulakath Thamilar*, Tamil Nadu, Salem, 1985, him 341.

Mengikut Krishnan:

*"Keadaan sekolah-sekolah Tamil semakin lama semakin merosot. Sekolah-sekolah ini tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan ... 22% murid-murid sekolah Tamil tercicir sebelum tamat sekolah rendah."<sup>6</sup>*

Keadaan yang serba kekurangan tidak berjaya menarik minat kanak-kanak India ini untuk meneruskan persekolahan mereka. Cuma segelintir kecil kanak-kanak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Namun demikian, *91% tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah menengah.*<sup>7</sup> Faktor utama yang menghalang kanak-kanak ini meneruskan persekolahan mereka adalah faktor kemiskinan. Faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi di kalangan pelajar India adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah Menengah yang terletak jauh dari kawasan ladang.  
Biasanya terletak di bandar-bandar.
- (ii) Perbelanjaan yang besar diperlukan untuk meneruskan persekolahan.
- (iii) Sistem pengangkutan yang tidak baik.
- (iv) Ibu bapa yang tidak mengalami reformasi mental.

---

<sup>6</sup> Krishnan, L., "MIC Di Bawah Pimpinan Tan Sri Manika Vasagam : Satu Analisa Mengenai Dasar Dan Pencapaian", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981, hlm 17.

<sup>7</sup> \_\_\_\_\_, hlm 17.

Halangan-halangan ini menyebabkan kanak-kanak India memulakan pekerjaan mereka pada usia yang muda lagi. Cuma surat khabar sahaja yang menjadi pengajar tidak rasmi kepada kanak-kanak India ini. Walaubagaimanapun, reformasi mental sukar berlaku pada kanak-kanak yang telah memulakan pekerjaan sebelum mencapai usia 13 tahun. Perubahan dalam bidang pendidikan berlaku selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.

Laporan Penyata Razak memberi peluang yang lebih luas kepada kanak-kanak India untuk meneruskan persekolahan mereka. Ini sekaligus telah menjadi titik peralihan dalam mengubah gaya hidup dan sosio-ekonomi masyarakat India di ladang. Namun begitu, pendidikan Tamil tidak banyak menggerakkan mobiliti sosial masyarakat India. Ini adalah kerana pendidikan Tamil hanya mempunyai kepentingan ekonomi yang terhad sahaja.

Walaupun mendapat pendidikan Tamil yang secukupnya, namun kanak-kanak ini masih terpaksa meneruskan kerja mereka sebagai buruh di ladang itu sendiri. Contohnya:-

*"Pekerja-pekerja yang berpendidikan Tamil menghadapi masalah mendapatkan atau merebut peluang-peluang yang diwujudkan oleh kilang-kilang di Shah Alam pada tahun 1968."<sup>8</sup>*

---

<sup>8</sup> Varatharaju, M.U., *Malaysiath Thottath Tholilalarkal Varalarum Piracnaikalum*, Tamil Paanpatuu Camurthaya Ayuuk Kuluvinar, Madras, 1990, hlm 27.

Walaupun demikian, masyarakat India di ladang-ladang masih menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil agar kanak-kanak ini sekurang-kurangnya dapat mempelajari bahasa ibunda mereka. Kadar keciciran yang tinggi pada awal dekad 1960an dan 1970an menurun dengan drastik pada dekad 1980an dan 1990an. Ini adalah kerana perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemberian makanan tambahan dan kenaikan kelas secara automatik telah banyak mengurangkan kadar keciciran di kalangan kanak-kanak India.

Walaupun masyarakat India mendapat pendidikan, namun begitu penguasaan ekonomi masih lemah. Ini adalah disebabkan oleh bidang pekerjaan mereka dan kegagalan golongan berada menjadi pendorong kepada masyarakat massa pada peringkat awal.

Oleh kerana kebanyakan penduduk India pada awalnya bekerja sebagai buruh, maka mereka tidak terfikir untuk bergiat dalam bidang ekonomi. Kemiskinan yang melanda kaum India di Malaysia menyebabkan mereka terus tertekan. Manakala, golongan Chetti dan profesional yang mempunyai sumber kewangan yang mencukupi juga tidak menunjukkan minat untuk menguasai ekonomi negara. Ini adalah kerana golongan ini terus mengirim sumber kekayaan yang diperoleh di negara ini ke India.

Selain itu, pendidikan Tamil yang diberi tidak menggalak masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang berfikir tentang masa depan mereka. Ketiadaan sokongan dan dorongan menyebabkan masyarakat India terus mengabaikan bidang ekonomi. Sebelum Merdeka, MIC juga tidak dapat mengubah masa depan masyarakat India kerana kesetiaannya pada negara India. Walaubagaimanapun, perubahan drastik mula berlaku apabila Sambanthan menjadi Presiden MIC. Sambanthan memulakan satu usaha baru yang dapat menyatupadukan semua masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang.

Sokongan padu daripada masyarakat India telah menyebabkan Sambanthan menuju Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad (NLFCS) pada tahun 1960. Ini merupakan titik permulaan bagi menguasai ekonomi negara. Walaupun Sambanthan menjadi Presiden MIC, namun begitu usaha ini dimulakan tanpa mengharapkan bantuan MIC. Oleh kerana terlalu memberi tumpuan kepada perkembangan NLFCS, MIC telah menjadi lemah dalam bidang politik.

Selepas tahun 1970, masyarakat India telah mula melibatkan diri dalam bidang ekonomi walaupun dalam skala kecil-kecilan. Dalam sektor pertanian, guna tenaga India telah berkurangan daripada 142,000 kepada 136,400 dari tahun 1970 sehingga tahun 1990. Dalam pada itu, penyertaan guna tenaga di peringkat pengurusan dalam industri-industri utama seperti perladangan, perlombongan, perdagangan, pembuatan dan perkhidmatan kewangan, bahagian kaum India kekal

pada tahap 64 peratus. Sementara itu, pemilikan modal saham kaum India kekal pada tahap satu peratus.

*... bahagian bumiputera dalam pemilikan modal saham pada tahun 1990 berjumlah kira-kira RM22,298 juta atau 20.3 peratus dari jumlah saham sektor syarikat. Di bawah kategori bukan bumiputera, kaum Cina memiliki kira-kira RM49,300 juta atau 44.9 peratus, manakala kaum India memiliki kira-kira RM1,000 juta atau satu peratus.<sup>9</sup>*

Ini menunjukkan pemilikan modal saham kaum India tidak berjaya mencapai 2 peratus disebabkan oleh banyak faktor. Selain ketidaksedaran tentang hak pemilikan saham, masyarakat India juga tidak disedarkan oleh MIC. Oleh itu bagi kaum India, bahagian mereka dalam beberapa bidang pekerjaan adalah lebih rendah daripada nisbah penduduk mereka. Akibatnya, bahagian kaum India dalam bidang pekerjaan profesional telah menurun secara berterusan sejak tahun 1970 ... *dari jumlah 996,400 pekerjaan baru yang divujudkan ... 7.0 peratus untuk kaum India.<sup>10</sup>*

Namun begitu, kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan mereka dalam pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Emas menjadi modal pelaburan di

---

<sup>9</sup> Rangka Rancangan Jangka Panjang, 1991-2000, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995, hlm 111.

<sup>10</sup> Rancangan Malaysia Ke-6, 1991-1995, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, hlm 14.

India ataupun untuk mendapatkan kredit di Malaysia. *Wanita di setiap rumah di ladang-ladang memiliki emas walaupun dalam jumlah yang sedikit.*<sup>11</sup>

MIC telah memulakan langkah pertama dapat melibatkan diri dalam bidang ekonomi apabila menu buhkan NESA (1974), Koperasi Belia Maju Jaya (1977), Koperasi Pekerja Jaya (1979) dan Maika Holdings Berhad (1982). Peranan MIC dan koperasi-koperasi ini dalam usaha membantu masyarakat India menguasai bidang ekonomi akan dilihat di dalam Bab Ke-5 nanti.

Walaupun masyarakat India telah berada di Malaysia sejak 200 tahun dahulu, namun demikian keadaan sosio-ekonomi mereka tidak banyak mengalami perubahan. Ini adalah disebabkan masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh mereka. Antara masalah-masalah utama yang dihadapi adalah seperti berikut:-

- (a) Pendidikan Tamil tidak menggalak penglibatan dan perkembangan masyarakat India dalam bidang ekonomi.
- (b) Pendidikan Tamil tidak berupaya menggerak minda ke arah pembangunan.

---

<sup>11</sup> Ravindra, K. Jain, *South Indian The Plantation, Frontier in Malaya*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 160.

- (c) Dari segi politik, MIC dan masyarakat India masih bergantung kepada kaum lain kerana tiada kawasan pilihanraya yang mempunyai majoriti masyarakat India.
- (d) Perkembangan dan cabaran kemajuan negara tidak difahami dengan jelas menyebabkan masyarakat India kurang yakin untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi dan tidak bersedia untuk menerima perubahan drastik.
- (e) Penglibatan remaja India yang agak serius dalam masalah devian.
- (f) Kebudayaan India yang semakin luntur akibat penularan unsur-unsur moden dari barat menyebabkan nilai-nilai murni diabaikan.

Apa yang disebutkan di atas menunjukkan kaum India menghadapi banyak masalah dari segi sosial, ekonomi dan politik. Jadi, institusi manakah yang dapat membantu masyarakat India mengatasi masalah-masalah ini? Adakah institusi agama, politik, sosial atau institusi ekonomi? Tesis ini memberi tumpuan utama kepada institusi politik sahaja. Walaupun sebelum ini terdapat banyak buku yang relevan mengenai institusi politik kaum India di Malaysia dan mengenai kaum India secara amnya, namun begitu tidak ada kajian spesifik mengenai penilaian terhadap peranan institusi politik MIC.

Oleh kerana MIC mewakili masyarakat India secara keseluruhan, maka kajian mengenai peranan MIC sejak Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga sekarang akan dikaji. Kajian terhadap MIC dilakukan kerana tidak ada parti politik lain yang mendapat sokongan majoriti India. Jadi, sebagai mewakili sebahagian besar masyarakat India, maka sumbangan MIC terhadap masyarakat India dalam usaha meningkatkan sosio-ekonomi adalah wajar dilakukan. Setakat ini sedikit kajian sahaja yang pernah dilakukan terhadap orang-orang India di Malaysia terutamanya terhadap aspek sosio-ekonomi kaum India.

Kajian umum terhadap masyarakat India dan MIC telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seperti Means, G.P., Daniel, J.R., S. Subramaniam, S. Vimala Devi, Arasaratnam Sinnappah, Rajakrishnan, R., K.S. Sandhu, dan lain-lain lagi. Manakala, kajian khusus telah dibuat oleh Ramasamy, R., Daniel, J.R., dan Morgan Raj David sahaja. Aspek pengkajian sarjana-sarjana di atas berbeza dengan kajian ini. Ini adalah kerana dalam kajian ini masyarakat India dilihat secara menyeluruh dari aspek sosial, ekonomi dan politik serta penilaian dibuat terhadap peranan yang dimainkan oleh MIC dalam usaha membangunkan masyarakat India. Sebelum ini tidak ada sarjana yang mengaitkan aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik dengan peranan yang dimainkan oleh MIC.

Pengkaji-pengkaji seperti Means, G.P., dengan buku *Malaysian Politics*, Daniel, J.R., dalam Jurnal "Malaysia In History", Subramaniam, S., dengan

tesis M.A., "Politics of the Indians in Malaya, 1944-1955" telah membincangkan tentang orang-orang India di Malaysia.

Pengkaji-pengkaji seperti Daniel J.R. dalam tesis M.A. "A Socio-Economic Study of the Indians in the Rubber and Oil Palm Estates in the States of Perak and Selangor", membincangkan tentang pendapatan dan perbelanjaan, pendidikan dan mobiliti sosio-ekonomi, kesihatan dan perilaku terhadap agama dan kehidupan. S. Vimaladevi dalam latihan ilmiah beliau "Satu Kajian Dari Segi Pencapaian Politik, Ekonomi dan Sosial antara Tahun 1970-1987" telah menyentuh bidang sosio-ekonomi kaum India. Jain, R.K., "South Indians in the Plantation Frontier" telah membincangkan tentang aspek sosial sahaja.

*Penghijrahan orang-orang India ke negara ini telah berlaku pada abad yang lalu. Sejak itu telah berlaku banyak perkembangan dan perubahan dalam aspek sosial, ekonomi dan politik yang mengubah orang-orang India ini. Ini menjadikan orang-orang India satu etnik yang berbeza di negara ini yang dikenali sebagai 'orang-orang India Malaysia' (Malaysian Indian).<sup>12</sup>*

Hampir 95 peratus daripada orang-orang India yang berada di negara ini lahir di sini dan menjadi warganegara Malaysia.

---

<sup>12</sup> Rajakrishnan, R., *Indians In Peninsular Malaysia : A Study and Bibliography*, University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1984, hlm 3.

Kajian-kajian sebelum ini mengenai orang-orang India tidak pernah menyentuh tentang golongan remaja yang melibatkan diri dalam masalah devian. Tumpuan khas diberi pada aspek ini kerana kewujudan kumpulan-kumpulan samseng dan penyalahan penggunaan dadah amat membimbangkan pemimpin-pemimpin negara ini. Data-data terkini mengenai penglibatan masyarakat India dalam masalah Devian juga disertakan.

Kajian ini diharap dapat membantu untuk mengenali masyarakat India pada dekad 1990an serta perkembangan mereka di negara ini. Walaupun orang-orang India datang ke Malaysia sebagai imigran pada abad ke sembilan belas, tetapi mereka kini telah sebatik dengan negara ini.

Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengetengahkan masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh kaum India di Malaysia serta peranan yang dimainkan oleh MIC. Kajian ini dilakukan bukan untuk mewujudkan sebarang teori berkaitan tentang masyarakat India. Untuk tujuan ini aspek-aspek berikut akan dikaji dan dikemukakan untuk mencapai objektof-objektif berikut.

- (a) Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai peranan yang dimainkan oleh parti politik MIC dalam pembangunan sosio-ekonomi kaum India. Secara khususnya, objektif-objektif berikut akan dikaji.
- (b) Mengkaji latar belakang orang-orang India di Malaysia.

- (c) Untuk melihat perkembangan parti-parti politik khususnya MIC.
- (d) Membuat penilaian terhadap MIC dalam bidang ekonomi kaum India di Malaysia.
- (e) Melihat peranan MIC dalam bidang pendidikan kaum India.
- (f) Membuat kajian terhadap kedudukan MIC dalam sistem politik di Malaysia dan peranan MIC dalam usaha membendung masalah sosial di kalangan kaum India.

Contohnya:

- A. Kongsi-Kongsi Gelap
- B. Dadah
- C. Pelacuran
- D. Alkoholism

## 1.2 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini memperlihat kedudukan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia sejak Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga tahun 1996. Di samping itu, kelahiran Parti Politik Malaysian Indian Congress (MIC) dan peranan MIC dalam

usaha membangunkan masyarakat India turut dikaji. Kajian ini adalah penting untuk mengetahui sumbangan dan keberkesanan MIC terhadap masyarakat India.

Walau bagaimanapun, tumpuan lebih banyak diberi pada dekad 80an dan 90an. Ini adalah kerana peranan MIC mula nampak dengan lebih jelas pada masa tersebut.

Dalam Bab Kedua, kedatangan kaum India dikaji dari peringkat awal sehingga lewat abad ke-20. Tujuan kedatangan dan penghijrahan kaum India ke Malaysia dibuat secara ringkas. Di samping itu, kategori kedatangan kaum India juga turut dikaji. Selain itu, penempatan awal kaum India di ladang-ladang getah dan kelapa sawit juga disentuh secara ringkas.

Dalam Bab Ketiga, kedudukan parti politik kaum India dikaji dengan panjang lebar. Di sini akan dibincangkan penglibatan kaum India dalam arena politik sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan dan selepas mencapai kemerdekaan. Penglibatan kaum India dalam arena politik sebelum kemerdekaan dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh persatuan-persatuan yang bercorak rekreasi, penglibatan kaum India dalam CIAM, peranan yang dimainkan dalam bidang politik semasa zaman pendudukan Jepun, kelahiran dan peranan MIC sebelum kemerdekaan. Selepas mencapai kemerdekaan, akan dikaji perkembangan parti politik MIC dan isu-isu sosio-ekonomi yang dihadapi oleh MIC terutamanya pada zaman Tun Sambanthan dan pada zaman Samy Vellu.

Dalam Bab Keempat, aspek pendidikan akan dikaji secara umum. Tumpuan khas akan diberi kepada pendidikan sekolah Tamil. Dalam bidang ini juga perkembangan pendidikan dikaji dalam tiga tahap yang berbeza untuk melihat perkembangan pendidikan dan masalah-masalah yang dihadapi. Mengapakah sekolah-sekolah Tamil tidak dapat menghasilkan keputusan UPSR yang memberangsang akan turut dikaji. Tujuan masyarakat India menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil akan dikaji juga. Di samping itu, keputusan peperiksaan utama yang melibatkan pelajar-pelajar India akan dikaji secara umum.

Selain itu, peranan MIC memberi tumpuan khas kepada aspek pendidikan akan dikaji dengan detail dalam tiga tahap. Mengapakah MIC hanya mementingkan pelajar-pelajar India yang telahpun sampai ke menara gading dan bukannya di sekolah-sekolah Tamil? Bantuan dana MIED yang disalurkan untuk membantu pelajar-pelajar India di Universiti dan kolej-kolej swasta juga akan turut dikaji.

Dalam Bab Kelima, kedudukan dan penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi pada zaman kolonial turut dikaji. Kajian ini melibatkan jenis pekerjaan utama dan pekerjaan-pekerjaan lain yang diceburi oleh masyarakat India. Selain itu, jumlah pemilikan aset dan estet turut dikaji untuk mengetahui kedudukan sebenar masyarakat India dalam bidang ekonomi pada zaman kolonial. Berdasarkan analisis tadi, penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi selepas kemerdekaan dikaji. Kajian ini meliputi jenis pekerjaan utama yang diceburi oleh

masyarakat India. Selain itu, pemilikan aset ataupun ekuiti masyarakat India turut dikaji.

Berdasarkan analisis penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi di atas, maka peranan yang dimainkan oleh MIC turut dikaji. Rancangan-rancangan ekonomi yang dilancarkan oleh MIC seperti NESA, KPJ dan Maika Holdings turut dikaji untuk melihat sumbangannya kepada masyarakat India.

Dalam Bab Keenam, kajian akan dilakukan terhadap masalah-masalah sosial yang telah melanda masyarakat India dan langkah-langkah yang diambil oleh MIC untuk mengatasinya. Pertamanya, definisi devian akan dikaji agar bersesuaian dengan penglibatan masyarakat India dalam masalah-masalah sosial. Kajian bab ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertamanya, kajian dilakukan terhadap penglibatan masyarakat India dalam masalah-masalah sosial seperti masalah gangsterisme, dadah, pelacuran dan alkoholisme. Penglibatan masyarakat India ini dikaji berdasarkan penglibatan, statistik penglibatan dan analisis penglibatan. Selain itu, faktor-faktor yang menjadi perintis kepada masyarakat India melibatkan diri ke dalam kancah jenayah juga turut dikaji secara ringkas.

Keduanya adalah penglibatan masyarakat India dalam masalah sosial secara umum, khususnya yang melibatkan remaja India. Kajian ini akan dilakukan terhadap remaja-remaja India yang masih berada di bangku sekolah. Penglibatan ini akan dibuktikan dengan statistik penglibatan remaja dalam aktiviti salah laku.

### **1.3 METODOLOGI KAJIAN**

#### **(a) Pengenalan**


Kajian ini dijalankan berdasarkan metodologi pemerhatian, kajian data primer dan data sekunder. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui keadaan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia. Terdapat banyak data sekunder mengenai sosio-ekonomi kaum India di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini dapat meningkatkan maklumat data-data yang sedia ada dan mengembangkan kedudukan beberapa aspek sosio-ekonomi. Kajian ini juga akan menilai sebab-sebab masyarakat India gagal menguasai ekonomi negara.

Kajian-kajian terhadap penghijrahan kaum India ke Malaysia dan kedudukan kaum India di Malaysia juga turut dikaji. Kelahiran parti politik Malaysian Indian Congress (MIC) dan peranan yang dimainkan oleh MIC dalam bidang sosio-ekonomi dan politik akan turut dikaji. Selain itu, prestasi sekolah-sekolah Tamil dan pelajar-pelajar India dalam bidang pendidikan, penglibatan remaja India dalam masalah devian dan kebudayaan India juga akan turut dikaji.

Kajian ini adalah kajian kualiti dan bukannya kajian kuantiti. Ini adalah untuk mengetahui kedudukan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia dan peranan yang dimainkan oleh MIC dalam usaha membangunkan masyarakat India turut dikaji. Kajian ini adalah penting kerana dilakukan secara kritikal. Terdapat had-had tertentu dalam kajian ini juga.

(b) Lokasi

Kawasan kajian yang dipilih adalah pantai Barat Semenanjung Malaysia.





Kawasan ini dipilih secara khusus berdasarkan ciri-ciri berikut:-

- (a) Hampir 90% penduduk India tinggal di kawasan ini.
- (b) Kawasan kajian ini mengalami pembangunan yang pesat kerana menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi yang pesat.
- (c) Kebanyakan penduduk di kawasan ini pada peringkat awal tinggal di ladang-ladang getah dan kelapa sawit. Pembangunan yang pesat memaksa masyarakat India berhijrah keluar dari kawasan perladangan. Di samping itu, masyarakat India terutamanya generasi muda telah mula bekerja di kilang-kilang perindustrian.

Jadi, perubahan-perubahan sosio-ekonomi yang berlaku dalam masyarakat India agak ketara di kawasan-kawasan ini. Perubahan sosio-ekonomi dan politik dapat dilihat dengan mudah di kawasan-kawasan seperti ini.

**(c) Teknik Pengumpulan Data dan Sumber**

Data dikumpul menggunakan kaedah kajian data-data primer dan sekunder. Data-data primer ini dikumpul hasil kajian luar pengkaji dari negeri Kedah hingga negeri Johor. Pada tahap ini, pengkaji temubual pemimpin-pemimpin MIC dan masyarakat India untuk mendapatkan data-data yang relevan. Selain itu, data-data primer ini juga dikumpul melalui pemerhatian.

Pada peringkat kedua, data-data dikumpul dari media cetak dan media elektronik. Data-data yang relevan dikumpul sebagai tambahan kepada data-data primer. Data-data sekunder ini diperoleh dari buku-buku yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji dari dalam dan luar negara. Data-data statistik pula diperoleh dari Jabatan Perangkaan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Selain itu, data-data juga diperoleh dari buku-buku yang tidak diterbitkan, risalah-risalah, majalah, akhbar-akhbar tempatan, dan jurnal sebagai maklumat tambahan.

(i) Temubual

Orang-orang berikut telah ditemubual oleh pengkaji dalam usaha mendapatkan maklumat tambahan:-

Timbalan Menteri, senator-senator, Pengurus-Pengurus Badan Perhubungan MIC Negeri, Setiausaha-setiausaha MIC Negeri, Pengurus-pengerusi MIC Division, Pengurus-pengerusi MIC Cawangan, tokoh-tokoh korporat, peniaga-peniaga, masyarakat India dan ahli-ahli MIC. Kebanyakan nama mereka tidak dicatat mengikut kehendak mereka. Walau bagaimanapun, idea, pendapat dan sokongan mereka dihargai.

(ii) Kajian Tanpa Penglibatan

Kajian ini dilakukan melalui pemerhatian dan pengamatan terhadap aspek pendidikan khasnya pendidikan di sekolah-sekolah Tamil.

(iii) Kajian Di Perpustakaan

Kajian ini dilakukan terhadap buku-buku yang sudah diterbitkan, buku-buku yang tidak diterbitkan, majalah, jurnal, risalah dan artikel. Data-data sekunder yang relevan diperoleh melalui kajian-kajian ini.

(d) **Masalah Dan Had Dalam Pengumpulan Data**

Adalah mustahil untuk mendapatkan semua data yang diperlukan melalui cara temubual dan pemerhatian. Tetapi, masih wujud kebolehpercayaan terhadap data-data yang dikumpul.

Ini adalah kerana kekurangan maklumat yang relevan dengan aspek yang dikaji oleh pengkaji. Maklumat yang diperoleh mengenai peranan yang dimainkan oleh MIC terhadap masyarakat India masih boleh dipersoal. Sumbangan sebenar MIC terhadap masyarakat India tidak pernah dicatat secara detail. Maklumat lisan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin MIC terhadap sumbangan MIC terhadap masyarakat India masih boleh dipertikaikan lagi.

Selain itu, ahli-ahli MIC tidak mahu memberi pandangan negatif terhadap MIC kerana takut masa depan mereka dalam arena politik akan tergugat. Oleh kerana kepentingan diri mengatasi kepentingan umum, maka data dan maklumat yang diberikan semuanya berunsur positif. Sementara itu, tiada MIC negeri yang mempunyai sebarang data mengenai perkembangan masyarakat India ataupun aktiviti-aktiviti MIC sebelumnya. Ini adalah kerana mereka tidak mempunyai rancangan tahunan yang teratur untuk menjalankan khidmat sosial terhadap masyarakat India.

Kegagalan mendapat maklumat jitu daripada pemimpin-pemimpin MIC menyebabkan keberkesanan peranan MIC masih boleh dipertikai lagi.

Adalah mustahil untuk menjalankan kajian menyeluruh yang melibatkan semua cawangan dan pengurus MIC. Oleh yang demikian, tumpuan utama diberi kepada MIC Negeri yang melibatkan Pengurus, Setiausaha dan Bendahari Badan Perhubungan MIC Negeri yang mewakili pengurus-pengerusi cawangan di negeri-negeri terlibat.